

'Perang' lawan ketak

Sarang udang di Kampung Kurnia bawa musibah, rumah penduduk berisiko mendap

>>Oleh Khairulmizan Yahya
am@hmetro.com.my

KUANTAN: "Jika orang lain berperang dengan manusia, kami pula 'berperang' dengan udang ketak. Lihat sendiri apa yang sudah dilakukannya terhadap tanah kami.

"Jika bukan kami yang mempertahankan tanah ini, siapa lagi yang mahu berbuat demikian? Kami perlu menghalau atau menghapuskan udang ini kerana selain mencacatkan tanah, juga boleh membuatkan rumah berisiko mendap," kata penduduk Kampung Kurnia, di sini, Alias Zakaria, 63, yang melancarkan 'perang' terhadap ribuan udang dikenali udang ketak yang semakin banyak di kampung berkenaan.

Malah, Alias mendakwa, dia sudah mengeluarkan belanja RM7,000 membeli sisa konkrit untuk menimbus tanah di kawasan rumah masing-masing sebelum diratakan semula semata-mata mahu menghapuskan ratusan busut setinggi hampir satu meter yang dibina udang



BAHAYA...sarang udang ketak meninggi hingga cecah lantai rumah.

berkenaan.

"Itu saja cara yang kami ada setakat ini. Kalau tidak ditimbus, sampai bila-bila pun udang itu akan membina sarangnya.

"Kami bukan orang senang tetapi demi mempertahankan kediaman, kami terpaksa melakukannya," katanya ketika di temui Harian Metro di rumahnya, semalam.

Justeru, bukan sesuatu yang menghairankan andai pen-

dukt Kampung Kurnia menyalu-alukan sesiapa, terutama pemaui projek perumahan yang mahu membuang sisa pembinaan seperti konkrit supaya membuang bahan berkenaan di tanah mereka kerana langkah itu dapat menjimatkan kos.

Beberapa bulan lalu, Harian Metro pernah melaporkan mengenai keunikan Kampung Kurnia yang terletak di tebing Sungai Belat kerana



USAHA KERAS...Alias dan isterinya, Khatijah Mohammad, 62, membuang sarang udang ketak sebelum meratakan tapak rumah dengan konkrit.

cukup suka didatangi ribuan udang ketak yang membina sarangnya di tanah penduduk sekali gus membuatkan pemandangan berbeza dengan perkampungan lain.

Bagaimanapun, ketika orang ramai menganggap kehadiran ribuan udang itu yang membina sarangnya berdekatan rumah penduduk Kampung Kurnia sesuatu yang menarik, warga kampung itu sendiri sebenarnya

rimas dan tidak tahan lagi dengan busut yang dijadikan habitat hidupan berkenaan.

Penduduk kampung berkenaan bimbang kerana busut dibina udang berkenaan hanya bertindak sebagai pintu masuk ke sarangnya sedangkan sarang sebenar terletak jauh di dalam tanah.

Lebih mencetuskan kebimbangan ialah laluan dibuat udang yang mampu menecah saiz sebesar lengan de-

wasu itu menyebabkan struktur tanah masing-masing menjadi longgar hingga memungkinkan rumah roboh dalam tempoh beberapa tahun lagi.

HM e-Paper



Untuk lebih gambar sila layari
subscription.nstp.com.my